

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
(SPM) 2026

BAHASA MELAYU
Kertas 1
2 Jam

1103/1

NAMA : _____

TINGKATAN : _____

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU.

ARAHAN :

- 1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.**
- 2. Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B.**
- 3. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.
- 4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
- 5. Kertas jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	30	
B	1	70	
	2		
	3		
	4		
JUMLAH		100	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.



Bahagian A

[30 markah]


Soalan ini mesti dijawab.

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan alam sekitar di negara kita.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **penjagaan alam sekitar dalam kalangan masyarakat di negara kita.**

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

Sebanyak 9681 laporan pencemaran alam sekitar diterima membabitkan pencemaran air, udara, tanah, buangan terjadual, bunyi bising, tumpahan minyak dan lain-lain.



**Penalti RM10 juta,
penjara mandatori
cemar sungai wajar**

Hukuman
sempai besi
penggera
kepada
penjah



BAHAGIAN B
[70 markah]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

1.

Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II mempunyai misi untuk menarik minat golongan muda terutama lepasan universiti yang enggan menceburkan diri dalam bidang pertanian. Ahli Parlimen Pasir Puteh itu berkata, dengan ilmu pengetahuan graduan berkenaan dapat menjana pendapatan.

Sumber: <https://www.hmetro.com.my/>

Huraikan kelebihan yang dinyatakan dalam petikan berserta kelebihan-kelebihan lain menceburi bidang tersebut.

2.

Penyakit berjangkit merupakan satu fenomena biososial. Bagi mencegah penularan penyakit berjangkit ini semua pihak perlu memastikan sumber air yang digunakan bersih. Semasa mengendalikan makanan atau minuman hendaklah sentiasa mencuci tangan. Elakkan makan makanan yang tidak dibasuh dan tidak dimasak. Selain itu, agensi kesihatan perlu bekerjasama dengan agensi keselamatan bagi membendung kemasukan pekerja asing yang tidak terkawal serta tanpa saringan kesihatan untuk mengekang penularan penyakit berjangkit.

Sumber : Dewan Siswa , Bil. 9/2018

Berdasarkan petikan, huraikan langkah-langkah mengatasi masalah tersebut.

3. Semangat patriotisme merujuk perasaan cinta akan negara yang mendalam dan semangat ini penting serta menjadi tunjang kepada perpaduan masyarakat. Namun sejak akhir-akhir ini, semangat patriotisme semakin luntur dalam kalangan masyarakat khususnya para remaja. Dalam usaha meningkatkan semangat ini dan mengekalkan perpaduan, pelbagai pihak perlulah memainkan peranan penting.

Sumber: Berita Harian , Mac 2021

Sebagai respons kepada pernyataan di atas, bincangkan peranan pelbagai pihak dalam menyuburkan semangat tersebut.

4. Tekanan atau stres merupakan satu keadaan emosi yang boleh dialami oleh sesiapa sahaja, tidak kira usia mahupun latar belakang. Dalam dunia serba pantas ini, tekanan hidup sering kali datang tanpa diduga, sama ada daripada kerja, pelajaran, hubungan sosial mahupun masalah kewangan. Namun, tekanan atau stres yang tidak dikawal boleh memberi kesan buruk terhadap kesihatan mental dan fizikal seseorang.

Sumber :<https://www.bharian.com.my>

Bincangkan punca-punca berlakunya tekanan kepada individu.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT